

PENGAJARAN AL-QURAN TERHADAP KANAK-KANAK SINDROM DOWN TEACHING THE QURAN ON CHILDREN OF DOWN SYNDROME

Ezzat Farqhan Zeffrin Esme¹, Hamdi Ishak² & Ashraf Ismail³

*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM
p103812@siswa.ukm.edu.my¹, hamdi@ukm.edu.my² & ashraf@ukm.edu.my³*

ABSTRACT

This article is a concept paper that discusses the teaching of the Quran on learning disabilities children, down syndrome. The ability to read the Quran is important to children of Down Syndrome as the Quran can be a infrastructure for connecting with Allah SWT, to be a sheild and therapy for them. The teaching process of disabled children such as Down Syndrome is not an easy task. Various challenges need to be addressed because children with Down syndrome have their own difficulties and needs. Among the difficulties faced by children Sindrome Down are the difficulty of learning, memory problems or easy forgetting, speech disorders and languages, hearing problems and communication problems. Therefore, teachers need to be prepared and competent to perform Quranic teaching on Sindrome Down children. This article also discusses aspects that need to be addressed in the process of teaching and learning of the Qur'an on children's syndrome children such as approaches that determine the effectiveness of teaching and learning namely teaching objectives, materials or resources, teaching methods, facilities and physical arrangements and assessments. The effectiveness of the teaching of the Quran depends largely on the ability of teachers to focus on these aspects and to achieve the goals of teaching the Quran.

Keywords: Down syndrome, Quranic teaching, children, learning disabilities

ABSTRAK

Artikel ini merupakan kertas konsep yang membincangkan pengajaran al-Quran terhadap kanak-kanak bermasalah pembelajaran iaitu sindrom down. Kebolehan membaca al-Quran penting kerana al-Quran dapat menjadi benteng dan terapi kepada kepada kanak-kanak Sindrom Down. Proses pengajaran kanak-kanak kurang upaya termasuk masalah pembelajaran seperti Sindrom Down bukan tugas yang mudah. Pelbagai cabaran perlu diberi perhatian kerana kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down mempunyai keistimewaan tersendiri dan memerlukan tenaga pengajar yang pakar dalam berhadapan dengan golongan ini. Antara kesukaran yang dihadapi oleh kanak-kanak Sindrom Down ialah kesukaran belajar, masalah memori atau mudah lupa, gangguan pertuturan dan bahasa, masalah Pendengaran dan masalah komunikasi. Oleh itu para guru perlu bersedia dan kompeten untuk melaksanakan pengajaran al-Quran kepada kanak-kanak Sindrom Down. Artikel ini juga membincangkan aspek yang perlu diberikan perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap kanak-kanak sindrom down seperti pendekatan yang menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran iaitu objektif pengajaran, bahan atau sumber, kaedah pengajaran, kemudahan dan susunan fizikal dan penilaian. Keberkesanan pengajaran al-Quran amat bergantung kepada kemampuan guru untuk memberikan tumpuan kepada aspek-aspek tersebut dan seterusnya mencapai matlamat pengajaran al-Quran.

Kata kunci: Sindrom Down, pengajaran al-Quran, kanak-kanak, bermasalah pembelajaran

PENGENALAN

Kepentingan mempelajari al-Quran dalam kalangan umat Islam tidak dapat dipertikaikan. Ini kerana al-Quran merupakan sumber rujukan asas kepada setiap muslim dan manusia secara amnya. Al-Quran berfungsi sebagai petunjuk kepada manusia dan menghubungkan manusia dengan pencipta-Nya. Pengajaran disini bermaksud menyalurkan maklumat dan pengetahuan daripada guru kepada pelajar, manakala pembelajaran pula merujuk kepada penguasaan pelajar dalam menguasai kemahiran dan ilmu yang memberi manfaat kepada diri (Kamarul Azmi 2016). Hasil pembelajaran al-Quran sepatutnya membawa perubahan ke atas pelajar yang terserlah melalui tingkah laku, pengetahuan dan sikap murid tersebut. Pengajaran al-Quran juga bertujuan untuk menguatkan keimanan kepada Allah SWT berlandaskan akidah serta melatih akal untuk berfikir mengenai tanda-tanda kebesaran Allah SWT (Adel et. al 2006).

Kaedah pengajaran al-Quran di Malaysia sudah lama berkembang dan telah melahirkan ramai guru yang mahir dalam bidang al-Quran. Pengajaran al-Quran juga menggunakan pelbagai kaedah seperti talaqqī, musyāfahah, tasmi^o dan sesi soal jawab (Hamdi et. al 2021). Namun, kaedah-kaedah ini tidak sesuai untuk diaplikasikan kepada kanak-kanak sindrom down disebabkan kemampuan dan kebolehan mereka yang berbeza. Menurut Rusdial (2017), kanak-kanak sindrom down mengalami masalah kognitif yang sedikit sebanyak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Antara masalah kognitif adalah lambat untuk belajar, tiada kemampuan dalam mengatasi masalah dan kurang mewujudkan sosial dalam persekitarannya sendiri.

Selain itu, masalah yang sering timbul disebabkan kekurangan tenaga pengajar pendidikan khas yang berkemampuan untuk mengajar murid berkeperluan khas (Raihan Mohd Arifin et. al 2020). Punca lain juga adalah ketidaksesuaian bahan bantu mengajar (bbm) kerana bbm penting untuk membantu guru dalam pengajaran (Nurul Nadhrah 2015). Alat bahan bantu mengajar (BBM) juga perlu untuk membantu kanak-kanak sindrom down memahami sesuatu perkara yang diajari kerana sindrom down mempunyai masalah kognitif serta memerlukan pemerhatian yang banyak oleh tenaga pengajar lain (Yasin et al 2012). Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak sindrom down ini perlu diubahsuai mengikut kemampuan dan kebolehan yang ada.

PENGENALAN SINDROM DOWN

Kes sindrom down yang pertama telah diperkenalkan oleh Dr. John Langdon Down pada tahun 1866 kerana beliau mendapati terdapat ciri-ciri yang unik seperti tinggi badan yang relatif pendek, kepala mengecil dan hidung yang mendatar (Amherstia 2016). Sindrom Down juga dikenali sebagai kategori masalah pembelajaran disebabkan oleh kurang memiliki tekanan otot yang cukup baik sehingga sukar untuk melakukan tugas-tugas harian seperti kanak-kanak normal lain. Kanak-kanak Sindrom Down juga mengalami masalah memori terutamanya semasa mengingat sesuatu yang dipertuturkan oleh individu lain. Masalah yang dihadapi oleh Sindrom Down disebabkan kesukaran dalam menyebut jelas secara verbal dan mempunyai masalah lain seperti belajar membaca, menulis dan sukar menerima pendidikan yang tepat (Kazemi et. al 2016).

Sindrom down bukan penyakit tetapi masalah genetik. Kromosom 21 adalah kromosom manusia terkecil dan mengandungi kira-kira 225 gen. Bagaimanapun, jenis corak kromosom tidak mengubah secara signifikan terhadap corak pembelajaran dan kesukaran yang dihadapi oleh individu sindrom down (Roslinda & Halimah et. al 2009). Seseorang yang Sindrom Down

mempunyai peluang yang tinggi untuk terkena leukemia serta penyakit Alzheimer, tetapi dapat menurunkan tekanan darah tinggi, strok, tumor dan lain-lain (Anna 2020). Populasi yang menghidap Sindrom Down cenderung untuk meningkat tetapi ia boleh diatasi dengan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat dengan rawatan yang diambil (Wajuihian 2016:5-6).

Sindrom Down mempunyai tiga jenis antaranya *Trisomi 21* sebanyak 95% kes, *translocation* sebanyak 4% dan *mosaic* sebanyak 1%. Sindrom down *Trisomi 21* adalah yang paling kerap terjadi kepada pesakit sindrom down kerana ada tambahan kromosom di kromosom 21 (Irwanto 2014:6). Sindrom down jenis *translocation* secara umumnya mempunyai jumlah 46 kromosom tetap, namun terdapat salinan kromosom 21 penuh atau tambahan yang melekat pada kromosom lain dan memiliki banyak ciri sindrom down. Manakala, sindrom down jenis *mosaic* ini merupakan kombinasi sel yang mengandungi 46 kromosom biasa. Jenis sindrom down ini mempunyai sedikit ciri-ciri sindrom down yang lain (Wardah 2019).

Kromosom juga adalah gen yang dikompos. Fungsi gen adalah untuk menghasilkan protein daripada asid amino dalam makanan yang diambil. Unsur genetik tambahan dalam kromosom bermaksud dos protein semakin bertambah yang menyebabkan tumbesaran dan perkembangan badan. Gen juga mampu menghalang gen yang rosak daripada terus berfungsi atau untuk mengganggu. Proses bio kimia juga berpunca daripada penghasilan yang berlebihan dan disebabkan ini masih tiada lagi ubat atau rawatan untuk pesakit sindrom down. Variasi pula bergantung pada ciri-ciri manusia dan disebabkan oleh faktor persekitaran dan faktor genetik. Variasi juga berlaku dalam kalangan sindrom down (Barbara et. al 2014).

Kanak-kanak Sindrom Down juga mengalami masalah kesihatan seperti mengalami masalah kesihatan jantung berlubang, mudah selesema, radang tenggorok, radang paru-paru, dan sistem respirator. Perkara ini berpunca daripada badan tidak dapat memproses nutrien. Oleh itu, kanak-kanak sindrom down ini perlu melakukan aktiviti yang boleh bertindak balas merangsang sensori stimulus, latihan kawalan otot dan latihan kemahiran fizikal bagi meningkatkan keupayaan untuk berdikari serta aktiviti yang boleh mengembangkan mental (Puteri Roslina 2014). Kanak-kanak ini dikategorikan sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) masalah pembelajaran disebabkan berada pada tahap IQ (darjah kecerdasan) 40-70 dan masih memerlukan kajian yang terperinci dari sudut ketaklifannya (Azman et. al 2015).

Ciri-ciri Sindrom Down

Kesemua ciri-ciri ini menunjukkan sindrom down perlu diberikan perhatian dalam pengurusan diri, tahap kecerdasan otak dan kaedah-kaedah pengajaran serta pembelajaran yang rapi bagi membolehkan kanak-kanak ini mempelajari al-Quran bersama guru-gurunya. Antara ciri-ciri sindrom down yang dapat disenaraikan:

i. Kepala/Muka

- Muka Leper.
- Batang hidung kemek.
- Mata serong ke atas dan ada satu lipatan kecil kulit di tepi sebelah dalam mata.
- Kedudukan telinga rendah daripada biasa.
- Bahagian belakang kepala yang rata.
- Saiz mulut kecil .
- Lidah tebal, lebar dan terjelir.

ii. Tapak Tangan

- Tapak tangan lebar dan terdapat hanya satu garis dipermukaan telapak tangan.
- Jari-jari yang pendek dan jari kelingking membengkok ke dalam.

iii. Kaki

- Jari-jari kaki pendek.
- Jarak antara ibu jari kaki dan jarak kaki kedua agak jauh terpisah.
- Tapak kaki lebar.

iv. Otot

- Otot-otot badan dan anggota yang lemah dan lembik

Masalah-masalah lain yang dihadapi oleh sindrom down adalah otot-otot hipotonia (lemah) menyebabkan kesukaran untuk mengunyah, menelan dan air liur sentiasa meleleh, kerap mengalami sembelit, pergerakan badan yang sering tidak teratur, penyakit jantung kongential, mendapat jangkitan telinga dan mempunyai masalah pendengaran. Masalah bagi sindrom down juga adalah masalah penglihatan, kanser darah dan hipotirodism (kekurangan fungsi kelenjar tiroid). Kanak-kanak sindrom down ini sama seperti kanak-kanak normal lain tetapi hanya tumbesaran serta perkembangan agak lewat kerana disebabkan masalah yang dihadapi olehnya (Jimmy & Leow 2012).

Isu dan cabaran dalam dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak Sindrom Down

Dalam mengajar OKU kategori bermasalah dalam pembelajaran seperti sindrom down bukan tugas yang mudah. Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada OKU terutamanya kepada kanak-kanak sindrom down ia memerlukan teknik, kaedah dan modul yang khusus bagi membantu kanak-kanak ini mempelajari al-Quran. Antara isu dan cabaran yang kerap diberikan perhatian mengenai corak pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak OKU adalah kelayakan akademik guru-guru pendidikan khas, kompetensi serta kemahiran, kemudahan yang ada dan sikap guru-guru (Seriayuna 2019:172). Cabaran lain perlu diberi perhatian juga kerana kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down mempunyai keistimewaan tersendiri dan memerlukan tenaga pengajar yang pakar dalam berhadapan dengan mereka ini. Perkara ini terbukti yang Sindrom Down mempunyai cara tertentu untuk belajar (Rahmah et.al 2016:2).

Guru yang mengajar murid berkeperluan khas perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran mengajar yang tinggi serta matlamat yang jelas. Oleh itu, ia menuntut guru yang mempunyai kompetensi yang tinggi, pembangunan profesional guru yang berterusan dan keperibadian mulia. Namun begitu, kajian ini menunjukkan bahawa masih ramai guru yang menghadapi masalah dalam pengetahuan dan kemahiran mengajar murid berkeperluan khas. Kajian Toran et al (2016) mendapati masih ramai guru pendidikan khas yang kurang pengetahuan dan kemahiran mengajar murid berkeperluan khas, kurang keyakinan untuk menyampaikan pengajaran berkesan serta mempunyai tahap kecekapan meta subjek yang rendah.

Guru pendidikan khas juga perlu diberikan latihan secara konsisten dan spesifik kepada masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak berkeperluan khas serta sesuai dengan perkembangan masa kini. Seriyuna (2019) membuat perbandingan isu dan cabaran guru di Malaysia dengan Amerika Syarikat dan mereka berhadapan dengan isu yang sama iaitu kekurangan latihan yang sesuai dan lebih spesifik kepada jenis kelainan upaya yang tertentu. Oleh itu, guru-guru yang mengajar al-Quran kepada murid-murid ini perlu mempunyai kemahiran mengajar dan memahami ciri-ciri dan keperluan pembelajaran kanak-kanak khas ini agar pendekatan dan strategi pengajaran yang digunakan sesuai dengan keperluan pembelajaran mereka. Justeru para guru perlu

diberikan latihan secara konsisten agar dapat menguasai bidang mereka dan memberi manfaat kepada pelajar.

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada kanak-kanak Sindrom Down juga memerlukan pendekatan pengajaran, strategi, kaedah dan teknik yang khas sesuai dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka ialah:

Kesukaran belajar

Masalah yang ketara kanak-kanak Sindrom Down adalah perkembangan mental dan psikologi (Mohd Amin 2003). Perkembangan mental psikologi yang lambat ini akan menyebabkan mereka sukar belajar. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa keupayaan membaca kanak-kanak Sindrom Down atau kanak-kanak berkeperluan khas jarang diberikan tumpuan kerana kebanyakan orang memberikan jangkaan yang rendah terhadap keupayaan potensi perkembangan mereka. (Ng P.N. 2016). Sedangkan kemahiran literasi sangat penting sebagai asas dalam pendidikan dan kehidupan seharian kanak-kanak berkeperluan khas. Banyak kajian menunjukkan bahawa pendedahan awal terhadap literasi awal akan memberi manfaat besar kepada kanak-kanak sama ada kurang upaya ataupun kanak-kanak tipikal.

Dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memberikan intervensi membaca al-Quran kepada anak-anak mereka sebelum masuk ke institusi pendidikan. Kajian Safani et al. (2016) mendapati bahawa faktor penting dalam melaksanakan intervensi awal adalah kerjasama pelbagai pihak sama ada guru, pentadbir dan ibu bapa.

Gangguan pertuturan dan bahasa

Masalah ini kerap terjadi kerana sindrom down mempunyai gangguan dalam intelektual dan kemampuan untuk menguasainya. Pertuturan dan penguasaan dalam bahasa perlu dipisahkan untuk memudahkan kanak-kanak sindrom down menguasai kedua-dua elemen ini. Keadaan ini mungkin menyukarkan kanak-kanak sindrom down kerana perlu mendengar semua suara dalam satu perkataan, sukar untuk mengeluarkan bunyi, sukar mengingati susunan bunyi dan suku kata dan kerosakan bahasa mungkin merupakan kecacatan yang paling ketara bagi kebanyakan kanak-kanak dengan sindrom Down di sekolah (Patricia et.al t.th:6). Menurut Griffin & Hart (t.th) kesukaran berbahasa mungkin merupakan masalah paling ketara bagi kebanyakan kanak-kanak dengan sindrom Down di sekolah.

Masalah Pendengaran

Kanak-kanak sindrom down kerap mengalami masalah pendengaran seperti penyakit telinga yang kronik dan hilang pendengaran. Menurut kajian Amanda (2014), masalah pendengaran yang dihadapi oleh individu sindrom down sebanyak 38% hingga 75%. Individu sindrom down kehilangan pendengaran berpunca daripada jangkitan dan ditengah telinga cair. Perkara ini menyebabkan proses pembelajaran menjadi terganggu dan memberi implikasi kepada kanak-kanak sindrom down. Masalah ini perlu diberikan rawatan pendengaran supaya tidak hilang pendengaran diusia yang muda kerana boleh memberi kemudahan yang besar dalam proses tumbesaran sekiranya hilang pendengaran (Amanda 2014).

Masalah Komunikasi

Masalah dalam pembelajaran juga disebabkan oleh masalah komunikasi serta lisan yang mengganggu keterbatasan dalam mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Perkara ini berikutan kerana memiliki dua kesukaran dari segi berbahasa. Pertama tidak dapat menyatakan apa yang ingin disampaikan melalui pertuturan dan kedua adalah sukar memahami percakapan orang lain (Abdullah et. al 2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi kanak-kanak bermasalah dalam

pembelajaran adalah dari segi akaedmik, interaksi sosial, kognitif dan tingkah laku (Abdullah 2014). Masalah komunikasi juga disebabkan masalah artikulasi, sebutan dan kelewatan kemahiran komunikasi. Faktor fizikal juga punca komunikasi terjejas kerana saluran nasal, sinus, mulut yang kecil dan lidah agak terkapai sehingga kanak-kanak sindrom mempunyai masalah dalam jumlah perbendaharaan kata yang sedikit dan pendek (Roslina 2014).

Namun begitu kanak-kanak Sindrom Down (SD) mempunyai kekuatan dalam pemprosesan visual spatial (*visual spatial processing*) berbanding dengan kemahiran lisan (*Verbal processing skills*) (Ng P.N. 2016). Secara umumnya, daya ingatan visual (*visual memory*) dan integrasi visual-motor (*integration visual-motor*) terutama imitasi visual (*visual imitation*) merupakan kekuatan relatif dalam pemprosesan visual spatial individu SD. Oleh itu bagi kanak-kanak SD kemahiran membaca perkataan secara visual perlu diberikan penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kekuatan kanak-kanak SD perlu dimaksimumkan supaya kelemahan mereka dapat diatasi sebaik mungkin.

Kelemahan dalam berfikir

Kanak-kanak sindrom down mempunyai masalah kemahiran berfikir. Perkara ini sedia maklum bahawa kanak-kanak Sindrom Down mempunyai daya kognitif yang lemah dan memerlukan bimbingan daripada tenaga pengajar. Dalam kajian Hashimah et.al (2020), kanak-kanak ini memerlukan bantuan dan bimbingan daripada guru yang berpengetahuan serta berkemahiran untuk meningkatkan pencapaian akademik serta pembentukan tingkah laku dan keyakinan diri yang positif. Konsep membantu kanak-kanak ini berfikir perlu dilakukan bagi membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Hashimah et.al 2020: 40). Kemahiran berfikir ini penting dalam membuahkan idea dan bagi meningkatkan kualiti dalam pembelajaran.

Pengajaran al-Quran terhadap Kanak-Kanak Sindrom Down

Pengajaran bermaksud perihal mengajar segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain) (Kamus Dewan 2007). Secara umumnya pengajaran merupakan suatu proses atau aktiviti. Pengajaran dikatakan proses kerana ia melibatkan komunikasi dan kerjasama antara guru dengan murid dan penyaluran maklumat. Pengajaran juga merupakan suatu aktiviti kerana berlaku aktiviti seperti penerangan, soal jawab, mendengar, bercerita, kuiz, bermain dan lain-lain lagi.

Menurut Hamdi (2011); Cooper (2006), guru memainkan peranan penting dalam menggerakkan dan menghidupkan proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada peranan guru sebagai perancang terdapat lima aspek yang menjadi faktor utama menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran iaitu objektif pengajaran, bahan atau sumber, kaedah pengajaran, kemudahan dan susunan fizikal dan penilaian.

i. Objektif Pengajaran

Objektif pengajaran merupakan aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru perlu merancang pengajaran yang hendak dilakukan supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Objektif pengajaran perlu jelas, spesifik dan tiada kekeliruan serta menjelaskan hasil pembelajaran yang diinginkan pada akhir sesi pembelajaran. Hasil pembelajaran yang diharapkan perlu dinyatakan dalam bentuk perlakuan yang nyata, iaitu perlakuan yang boleh dukur, boleh didengar dan boleh dilihat. Bagi guru yang mengajar murid berkeperluan khas seperti murid SD digalakkan menjalankan pendokumentasian perancangan pengajaran melalui Rancangan Pendidikan Individu (RPI). RPI boleh dirujuk sebagai salah satu daripada penilaian autentik atau ujian rujukan kriteria. (Noor Aini 2018)

Dalam memastikan suatu proses pengajaran itu mencapai objektif, ia perlu merancang pengajaran dengan baik. Amalan pengajaran bermula dengan faktor merancang pengajaran untuk murid, isi kandungan, proses, masa, sekolah, sumber panduan kurikulum, buku teks, rakan, guru, internet, perpustakaan dan pertimbangan guru diberikan perhatian (Noor Aini Ahmad 2018). Kesemua ini perlu diberikan tumpuan dalam merancang pengajaran bagi memastikan setiap objektif yang dinyatakan dapat dilakukan dengan penuh terancang.

Selain itu, objektif pengajaran turut memastikan seseorang pelajar tidak mengabaikan diri dari segi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Menurut kajian Tengku Sarina Aini & Faridah (2008), kesemua aspek ini memainkan peranan dalam mencapai objektif pengajaran yang berkesan mengikut peranan yang dimainkan oleh guru dalam memberikan pendedahan kepada pelajar. Objektif pengajaran juga memerlukan komitmen guru untuk memilih objektif yang bersesuaian dengan pelajar kerana tidak ada satu objektif yang bertepatan bagi seseorang pelajar disebabkan oleh tahap kognitif pelajar. Namun begitu, guru wajib menetapkan objektif mengikut keupayaan untuk dicapai sekurang-kurangnya 80% pelajar di dalam PdP semasa dijalankan oleh guru (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017).

Kajian oleh Mohd Roslan & Mohd Tarmizi (2011) pula menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran perlu sentiasa dinilai agar segala kelemahan dapat diperbaiki dan ditambah baik. Berdasarkan objektif ini dapat dilihat kelemahan yang ada mampu memberi tambah nilai bagi dibaiki untuk pengajaran yang baik pada masa akan datang. Objektif pengajaran juga menunjukkan ia berkaitan menyampaikan pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilai yang membawa perubahan kepada diri pelajar. Pengajaran juga dilaksanakan dengan pelbagai cara, seperti memberi penerangan, bercerita, menunjuk ajar, mengadakan perbincangan, dan memberi bimbingan terhadap proses pembelajaran pelajar serta gabungan cara-cara di atas (Mohd Rashidi et al. 2014).

ii. Bahan atau Sumber

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik dapat membantu penguasaan pembelajaran yang baik. Penggunaan BBM yang sesuai dan menarik juga dapat memudahkan murid memahami sesuatu pelajaran. BBM juga mempercepatkan proses pembelajaran berbanding dengan bimbingan penulisan dan percakapan. Menurut Buckley (2000) kanak-kanak SD merupakan manusia yang memiliki keupayaan, kekuatan dan kelemahan yang sama seperti manusia normal. Mereka memerlukan BBM bagi memudahkan mereka memahami topik perbincangan. Kanak-kanak ini memerlukan rangsangan bagi menarik perhatian mereka seterusnya menjadikan mereka menumpukan kepada pelajaran (Stockall and Gatin 2002). Oleh itu bahan perlu menarik dan melibatkan pelbagai kaedah, menggunakan bahan maujud dan dapat divisualkan. Kanak-kanak SD cepat jemu dalam sesuatu aktiviti atau satu bahan sahaja (Norlia et al. 2006). Penggunaan teknologi augmentatif dan alternatif teknologi AAC (*Augmentative Alternative Communication*) yang terdiri daripada pelbagai sistem perkakasan (*hardware*) dan perisian (*software*) yang intuitif dan mesra pengguna dapat memudahkan komunikasi dan menarik minat kanak-kanak SD dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran dilihat akan teratur sekiranya guru-guru al-Quran menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) kepada kanak-kanak sindrom down. Penggunaan BBM ini lebih berkesan dan efisien dalam menyalurkan maklumat berkaitan al-Quran. Contoh bahan bantu mengajar yang moden pada masa kini adalah iPad, Tablet dan laptop mampu menarik minat kanak-kanak OKU bermasalah dalam pembelajaran seperti autisme dan sindrom down untuk mempelajari al-Quran (Siti Patonah 2014). Guru-guru al-Quran masa kini perlu daya kreativiti yang tinggi dalam menarik perhatian kanak-kanak sindrom ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan ICT, guru-guru mampu meningkatkan minat dan

perhatian murid, menggalakkan maklum balas, menawarkan pengalaman pembelajaran intelektual dan membantu perkembangan literasi (Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al 2011).

Menurut Adel et al (2006), kaedah pengajaran al-Quran yang boleh digunakan oleh guru-guru al-Quran bagi menarik perhatian kanak-kanak sindrom down adalah menggunakan gambar rajah dan poster berwarna dalam pengajaran al-Quran. Antara contoh aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah menunjukkan kepada pelajar potongan-potongan huruf dan gambar yang dipaparkan oleh guru menggunakan *projector*. Alat bahan bantu mengajar lain adalah menerusi penggunaan audio dan video yang dipasang oleh guru al-Quran dalam pembelajaran. Berdasarkan penggunaan audio dan video, ia sesuai untuk kanak-kanak sindrom down belajar cara menyebut perkataan atau lafaz dengan pergerakan mulut yang betul.

Kesemua alat bantu mengajar ini membantu sindrom down dari sudut pembelajaran dari segi pembacaan, mendengar, melihat, mendengar dan melihat, serta melakukan praktikal dan amali (Adel et al. 2006). Oleh itu, guru-guru perlu beri penekanan lebih dalam bahan bantu mengajar bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak sindrom down. Penggunaan teknologi dilihat suatu dimensi yang baru dalam dunia pengajaran dan pembelajaran mengikut arus dunia digital pada masa kini. Bukan untuk meniadakan penggunaan tradisi lama dalam pembelajaran al-Quran, tetapi dengan kecanggihan yang ada ini perlu dimanfaatkan bagi pengajaran dan pembelajaran al-Quran terutamanya kepada golongan sindrom down yang sememangnya memerlukan pengawasan dan bimbingan lebih disebabkan pelbagai faktor kognitif yang mempengaruhinya.

iii. Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran boleh dikatakan sebagai langkah yang perlu dilakukan bagi mencapai tujuan atau objektif pengajaran.

Pengajaran ke atas kanak-kanak SD perlu dipermudahkan dengan menghadkan isi kandungan pembelajaran. Memperbanyakkan penggunaan peta minda (*Mind Mapping*) dan bahan-bahan visual untuk membantu kanak-kanak SD mengekal ingatan (*assist retention*). Penggunaan ayat yang ringkas dan mudah akan dapat memudahkan kanak-kanak ini memahami apa yang ingin disampaikan. Pengajaran guru haruslah menggunakan contoh yang jelas dan bahan-bahan mawjud yang dapat dilihat oleh kanak-kanak SD serta menggunakan bahan bantu mengajar yang mengandungi gambar rajah dan visual yang menarik.

Dalam pengajaran al-Quran guru perlu mempermudahkan pengajaran dengan menggunakan bahan bantu yang menarik. Penggunaan bahan bantu yang berwarna dan gambar huruf seperti huruf hijaiyyah perlu diperbanyakkan. Dicadangkan juga penggunaan teknik bertarannum atau memperdengarkan bacaan al-Quran kepada kanak-kanak SD kerana bacaan al-Quran boleh menjadi terapi dan menenangkan kanak-kanak berkeperluan khas. Kajian Nurhayati Syazwani (2020) ke atas kanak-kanak autisme menunjukkan bacaan al-Quran menjadi terapi dengan mengurangkan masalah tingkah laku seperti agresif, sensitif, hiperaktif dan tingkah laku berulang-ulang.

a. Talaqi dan Musyafahah

Kaedah ini dilihat bersesuaian untuk digunakan guru dan pelajar kerana kaedah ini merupakan kaedah tradisi yang berkesan dalam bentuk penyampaiannya. Oleh kerana kanak-kanak SD biasanya mengalami masalah pendengaran dan penglihatan, guru perlu memastikan mereka menerima pengajaran secara berhadapan, bercakap secara bersemuka dan menggunakan ayat yang ringkas. Kaedah talaqi dan musyafahah ini penting dalam pengajaran al-Quran dan dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran al-Quran dengan baik (Norhisham et al 2019). Kaedah

pengajaran al-Quran juga memerlukan kekreatifan dalam menarik minat untuk mempelajarinya bagi meningkatkan kefahaman, pembacaan dan penghafalan. Kaedah talaqi dan musyafahah ini perlu berpandukan daripada pengajaran oleh guru bagi menjadi pandai membaca al-Quran. Talaqi juga bermaksud membaca secara bersemuka dihadapan guru, manakala musyafahah membawa maksud guru terlebih dahulu membaca dan murid mendengar. Kaedah ini merupakan sunnah para salaf yang diamalkan oleh para Sahabat sama seperti yang digunakan oleh Rasulullah SAW (Muhammad Zulazizi et. al 2021).

b. Penggunaan Kaedah Membaca

Kaedah yang boleh digunakan untuk membantu kanak-kanak sindrom down adalah dengan membantu dalam pembacaan. Pembacaan penting kerana dengan membaca pelbagai ilmu dan info diperoleh. Menurut Noor Aini (2014), kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran terutamanya sindrom down, membaca adalah kaedah yang terbaik dan perlu kerana kanak-kanak yang telah menguasai kemahiran membaca dan boleh berdikari yang merupakan matlamat dalam pendidikan inklusif ini. Seterusnya, mengajar kanak-kanak sindrom down juga ada beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh guru-guru, antaranya mewujudkan persekitaran pembelajaran seperti di sekolah dan bilik darjah. Selain itu, meningkatkan perkara yang relevan dalam bahan pengajaran serta mewujudkan sosial dalam pembelajaran menerusi beberapa pengalaman yang ada. Oleh itu, kaedah ini membantu kanak-kanak ini pelajari berkaitan diversiti dan perkara positif berkait antara satu sama lain (Mate 2015).

Berdasarkan Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif), Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia 2018, terdapat kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan kepada kanak-kanak sindrom down sebagai panduan dalam mengajar, antaranya:

c. Komunikasi Seluruh

Kanak-kanak SD berhadapan dengan kesukaran dalam komunikasi. Mereka biasanya mempunyai kemahuan untuk berkomunikasi, tapi mereka perlu dibantu untuk mengembangkan kebolehan mereka berkomunikasi. Antara kaedah yang sesuai digunakan ialah menggunakan perkataan yang pendek dan mudah difahami. Mereka juga perlu dirangsang untuk berkomunikasi dan belajar. Setiap kanak-kanak mempunyai keunikan masing-masing dan berbeza antara satu sama lain. Oleh itu mereka perlu diberikan pendekatan yang berbeza mengikut kesesuaian dan keperluan mereka. Tidak ada satu kaedah yang sesuai untuk semua kanak-kanak. Penggunaan komunikasi seluruh yang terdiri daripada pelbagai medium untuk berkomunikasi seperti bahasa isyarat, kiu, pertuturan dapat membantu kanak-kanak SD ini memahami maklumat yang ingin disampaikan (Bahagian Pendidikan Khas. 2018).

iv. Kemudahan dan Susunan Fizikal

Murid berkeperluan khas mudah terganggu. Suasana persekitaran penting untuk keberkesanan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Noor Aini (2018) persekitaran atau iklim bilik darjah yang baik dan kondusif amat diperlukan oleh setiap murid untuk belajar, lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Begitu juga dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid sindrom Down, guru perlu memastikan bahawa persekitaran pembelajaran adalah kondusif, menggunakan strategi yang berfungsi untuk meminimumkan gangguan seperti menjauhkan kanak-kanak dari tingkap, menjaga tahap kebisingan, menggunakan persekitaran yang kondusif supaya murid dapat mengambil bahagian, menumpukan perhatian dan merangsang minat murid. Oleh itu, semasa pengajaran dan pembelajaran al-Quran, guru perlu memastikan persekitaran yang selesa, selamat, berwarna warni dan menarik bagi pembelajaran berjalan dengan baik.

Penyediaan bilik darjah juga memainkan peranan dalam memelihara tingkah laku pelajar yang baik dan dapat memastikan proses pengajaran berjalan dengan lancar (James Ang 2014). Perkara ini penting bagi memastikan pelajar berada dalam keadaan yang baik dalam bilik darjah untuk belajar. Dari segi kemudahan, pelajar sindrom down perlu diberikan keselesaan dalam bilik darjah semasa proses PdP dijalankan oleh guru-guru (Tengku Sarina Aini & Faridah (2008). Sindrom down memerlukan ruang khas untuk belajar kerana ada dalam kategori kanak-kanak ini mempunyai tahap kemampuan untuk mengikut sesi pengajaran dengan mudah, ada yang sederhana dan ada yang susah untuk memahami sesuatu pengajaran yang diberikan oleh guru (Suhaimie 2013).

Persekitaran fizikal bilik darjah turut mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran. Menurut kajian Che Nidzam et. al (2013), persekitaran yang kondusif mampu mengekalkan tumpuan dan minat pelajar dalam bilik darjah kerana persekitaran yang baik mampu memberi keselesaan kepada pelajar. Hasil kajian penulis menunjukkan Aspek fizikal persekitaran pembelajaran ditentukan menggunakan Inventori Persekitaran Fizikal Bilik Darjah (IPFBD) manakala keselesaan pengajaran dan pembelajaran ditentukan menggunakan Skala Keselesaan Pengajaran dan Pembelajaran (SKPP).

v. Penilaian

Semasa melakukan pengajaran, guru ada menetapkan objektif-objektif yang hendak dicapai. Guru menggunakan pelbagai strategi dan kaedah bagi mencapai objektif tersebut. Bagi mengetahui objektif yang ditetapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran tercapai, maka penilaian perlu dijalankan. Penilaian juga dilaksanakan berdasarkan kepada pencapaian pelajar dalam mengikuti pelajaran bersama guru. Guru akan membuat penilaian dari segi penerimaan pelajar dalam kelas, tumpuan semasa guru mengajar dan keberkesanan sesi pengajaran serta pembelajaran di dalam kelas.

Hasil penilaian yang dijalankan, guru dapat menilai prestasi seseorang pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru boleh menilai pelajar bermasalah pembelajaran seperti sindrom down mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pendidikan Khas KPM 2015). Pelajar masalah pembelajaran seperti sindrom down ini merupakan salah satu kumpulan murid yang dikategorikan sebagai murid pendidikan khas yang memerlukan alternatif dan pengubahsuaian dari segi kurikulum dan kaedah pengajaran. Oleh itu, pelajar ini sangat memerlukan pengubahsuaian dari segi kaedah pengajaran, bahan bantu mengajar dan juga sukatan pelajaran untuk membantu pengajaran mereka (Asmawati et. al 2015).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan masih tidak banyak kajian-kajian berkaitan pengajaran al-Quran terhadap kanak-kanak Sindrom Down dijalankan buat masa ini. Mengajar kanak-kanak kurang upaya termasuk masalah pembelajaran seperti Sindrom Down bukan tugas yang mudah. Pelbagai cabaran perlu diberi perhatian kerana kanak-kanak yang mengalami Sindrom Down mempunyai keistimewaan tersendiri dan memerlukan tenaga pengajar yang pakar dalam berhadapan dengan golongan ini. Selain itu juga fokus juga perlu diberikan terutamanya dalam aspek keberkesanan pengajaran al-Quran kepada kanak-kanak sindrom down. Berdasarkan kajian-kajian lepas, masih kurang kajian-kajian yang berkaitan pengajaran al-Quran terhadap murid Sindrom Down. Kebanyakannya tertumpu kepada murid kurang upaya dalam kategori lain seperti masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah pertuturan serta autisme dan lain-lain. Secara umumnya guru-guru perlu memberikan perhatian yang penting kepada aspek penting dalam keberkesanan pengajaran seperti objektif pengajaran, bahan atau sumber, kaedah pengajaran,

kemudahan dan susunan fizikal dan penilaian perlu diberikan perhatian. Keberkesanan pengajaran al-Quran amat bergantung kepada kemampuan guru untuk memberikan tumpuan kepada aspek-aspek tersebut dan seterusnya mencapai matlamat pengajaran al-Quran.

Penghargaan:

Geran penyelidikan FRGS/1/2019/SS109/UKM/02/6

RUJUKAN

- Adel M. Abdulaziz, Ahmad Kamal Mohamad & Mohamad Mustaqim Zarif. 2006. *Panduan dan Bimbingan Guru Al-Quran*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn Bhd
- Amherstia Pasca Rina. 2016. *Meningkatkan Life Skill pada Anak Down Syndrome dengan Teknik Modelling*. Jurnal Psikologi Indonesia. 5 (Sep.): 215-225.
- Amanda McFadden. 2014. *The Experiences Of Teachers Teaching Children With Down Syndrome In The Early Years Of Schooling*. Tesis PhD. Queensland University of Technology.
- Anna Hafisah. 2020. *Penyakit Sindrom Down (Down Syndrome)*. Pendidikan Fisika: Universitas Negeri Jakarta.
- Azman Ab Rahman, Zulkifli Mohamad al-Bakri & Mohammad Naqib Hamdan. 2015. *Fiqh Ibadat Orang Kelainan Upaya*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. 2014. *Masalah Pembelajaran: Tanda Dan Simptom Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas*. Jurnal Bahasa. 14 (2): 301-320.
- Asmawati Suhid, Abd Muhsin Ahmad, S. Mohd Sabri, & Azreen Effendy Mohamad. 2015. *Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia*. International Journal of Education and Training (InJET) 1, no. 2: 1-7.
- Bahagian Pendidikan Khas. 2015. *Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. 2018. *Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bárbara Paola Muro Haro, Pedro C. Santana, & Martha A. Magaña. 2012. *Developing Reading Skills in Children with Down syndrome through Tangible Interfaces*. Proceedings of the 4th Mexican conference on human-computer interaction.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd Hairiy Ibrahim. 2013. *Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah terhadap Tahap Keselesaian Pengajaran dan Pembelajaran*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI 6.
- Cooper, J.M. 2006. *The Teacher as a reflective decision maker*. Cooper, J.M. (Ed) Classroom teaching skills. Pp 1-19. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Fergus, K., 2021. *Symptoms of Down Syndrome*. Verywellhealth. <https://www.verywellhealth.com/symptoms-of-down-syndrome-1120463>.
- Fidler, D.J. 2005. *The emerging Down syndrome behavioural phenotype in early childhood: Implication for practice*. Infants & Young Children. 18(2) Pp.86-103.
- Hamdi Ishak. 2011. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran): Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamdi Ishak, Siti Fatimah Mohd Maiyurid & Sabri Mohamad. 2021. *Pengajaran Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah Secara Maya Semasa Pandemik Covid-19*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 7(1): 50-57.

- Irwanto, Henry Wicaksono, Aini Ariefa & Sunny Mariana Samosir. 2014. *A-Z Sindrom Down*. Surabaya: Airlangga University Press.
- James Ang Jit Eng. 2014. *Pengurusan bilik darjah: Strategi-strategi mewujudkan komuniti pembelajaran berkesan*. Batu Caves: PTS Akademia.
- Jimmy Lee Kok Foo & Leow Poy Lee. 2012. *Sindrom Down*. <http://www.myhealth.gov.my/sindrom-down/> [25 April 2012].
- Kazemi, M., Salehi, M., & Kheirollahi, M. 2016. *Down syndrome: current status, challenges and future perspectives*. International journal of molecular and cellular medicine, 5(3), 125.
- Kamus Dewan. 2007. Ed. keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2016. *Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Ensiklopedia Pendidikan Islam. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Mate Puiria Kehe. 2015. *Down Syndrome a Resource for Educators*. Ministry of Education.
- Mohd Amin H.A.Shariff. 2003. *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rashidi Omar, Nor Azizah Shamli & Saniah Mohammed Shahid. 2014. *Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam: Kebitaraan Pendekatan Rasulullah S.A.W Sebagai Pendidik*. Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia (INSAN2014). (April): 1-17.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Tarmizi Wan Othman. 2011. *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. Jurnal At-Ta'dib 6.1: 1-20.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. 2017. *Pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menerusi kaedah penyoalan berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences 7.1: 1-9.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad. 2021. *Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum*. Jurnal al-Turath; Vol. 6, No. 1.
- Naes, K-N B., Melby-Lervag, M., Hulme, C., Lyster, S-A.H. 2012. *Reading skills in Children with Down Syndrome; a meta-analytic review*. Research in Developmental Disabilities. 33 (2) Pp.737-747.
- Ng Poi Ni. 2016. *Kesan intervensi awal berasaskan keibubapaan dan teknologi bantuan terhadap kemahiran literasi awal Bahasa Inggeris kanak-kanak Sindrom Down*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Noor Aini Ahmad. 2014. *Pengurusan Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid Bermasalah Pembelajaran: Kajian Secara Naratif Inkuiri*. Management Research Journal. 3: 38-52.
- Noor Aini Ahmad. 2018. *Pengajaran dan Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Norhisham Muhammad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akaramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. 2019. *Kaedah Tallaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran al-Quran wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak*. International Journal of Education, Psychology and Counseling. Vol 4 (32). Pp 273-283.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. 2006. *Hubungan antara Motivasi, Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajaran Tingkatan 4*. Jurnal Pendidikan Malaysia. 31. Pp.123-141.
- Nurhayati Syazwani binti Zulkafli. 2020. *Kesan Terapi Bunyi Melalui Bacaan surah al-Rahman Terhadap Tingkahlaku Kanak-kanak Autisme di Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Bangi (PKIB)*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Griffin, P & Hart, N. T.th. *Supporting Children with Down Syndrome in Primary School*. Dublin: Down Syndrome Ireland.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2014. *Bahasa dalam komunikasi kanak-kanak sindrom down*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Lob Yussof, Riaza Mohd Rias & Hafiza Abas. 2016. *An Approach in Teaching Reading for Down Syndrome Children*. International Journal of Information and Education Technology. 6 (Nov.): 909-912.
- Roslinda Ramli & Halimah Badioze Zaman. 2009. *Augmented Reality Technology In Basic Reading Teaching And Learning For Down Syndrome Learner*. International Conference on Educational Research and Practice (ICERP), hlm. 613-620.
- Rusdial Marta. 2017. *Penanganan Kognitif Down Syndrome melalui Metode Puzzle pada Anak Usia Dini*. Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini. 1(1): 32-41.
- Safani Bari, Nur Aishah Abdullah, Noraini Abdullah & Mohd Hanafi Mohd Yasin. 2016. *Early intervention implementation preschool special education students in Malaysia*. International Journal for Innovation Education and Research, 4(6), 139-155.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor & Zulkifli A. Manaf. 2011. *Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran bagi golongan dewasa*. Jurnal Islam dan masyarakat kontemporari keluaran khas.
- Seriyuna Sa'don Zubir. 2019. *Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Khas di Malaysia dan Amerika Syarikat: Satu kajian Perbandingan*. Jurnal al-Sirat. Bil 18 Vol 1. Hlm 170 -184.
- Siti Patonah Mohamad, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2014. *Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. 8 (Jun): 153-168.
- Stockall, N. & Gatin, B. 2002. *The nature of inclusion in a blue ribbon school: a revelatory case*. Exceptionality. 10. Pp171-188.
- Suhaimie Moridan. 2013. *Kesediaan guru melaksanakan rancangan pendidikan individu dalam Pendidikan Islam bagi pelajar pendidikan khas*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. 2008. *Pendekatan individu dalam pengajaran pendidikan Islam sebagai wahana melahirkan modal insan bertamadun*. Jurnal Usuluddin (27): 141-156.
- Toran, H., Westover, J.M., Sazlina. K., Suziyani, M. & Mohd Hanafi, M.Y. 2016. *The Preparation, Knowledge and Self Reported Competency of Special Education Teachers Regarding Students with Autism*. Pertanika Journal Science & Humanity, 24(1). Pp. 1-12.
- Wajuihian, S.O. 2016. *Down syndrome: An overview*. African Vision and Eye Health, 75(1), 1-6.
- Wardah. 2019. *Antara Fakta dan Harapan Sindrom down*. Jakarta Selatan: Kementerian Kesehatan RI Pusat Data dan Informasi.